

26 JUL 1997

Sulaiman-UUM

SULAIMAN IMBASI CABARAN MENUBUHKAN UUM

KANGAR, 26 Julai (Bernama) -- Menteri Pertanian, Datuk Amar Dr Sulaiman Daud bangga dengan pencapaian Universiti Utara Malaysia (UUM) meskipun di awal penubuhannya ia menghadapi pelbagai cabaran.

Sulaiman yang ketika itu menjawat jawatan sebagai Menteri Pendidikan antara lain dikehendaki oleh kabinet memastikan UUM beroperasi secepat mungkin di Kedah.

Semasa berucap di majlis Malam Graduan Pelajar Perakaunan UUM di sini malam tadi, beliau berkata universiti itu mula beroperasi di sebuah kampus sementara berharga RM52 juta di Jitra sebelum berpindah ke tapak tetap di Sintok beberapa tahun kemudian.

"Saya adalah di antara ibu bapa yang berbangga kerana mempunyai anak yang belajar di UUM," katanya.

Kira-kira 600 graduan perakaunan adalah di antara 2,158 graduan yang menerima ijazah masing-masing pada majlis konvokesyen ke-10 universiti itu selama dua hari bermula hari ini.

Sementara itu, Naib Canselor UUM, Datuk Dr Shamsuddin Kassim dalam ucapan yang dibacakan oleh timbalannya, Dr Sulaiman Mahbob menasihati para graduan perakaunan supaya tidak terlalu mengejar pendapatan lumayan setelah memiliki ijazah.

Katanya, apa yang lebih utama ialah mereka perlu mencari pengalaman berkerja sebelum mencari peluang pendapatan yang lebih lumayan.

Sempena majlis itu, beberapa acara turut diadakan termasuk pembacaan puisi "Perjuangan Yang Belum Selesai" karya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dideklamasikan oleh Dekan Sekolah Perakaunan UUM, Prof Madya Dr Abdul Latif Shaikh Mohamed. -- BERNAMA

AD AKD